

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]

TARIKH : 13 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesudian Kementerian untuk melaksanakan “packaging tax” dan “Deposit Return Scheme” yang menggalakkan rakyat kitar semula bahan bungkusan minuman termasuk plastik dan tin aluminium.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneroka inisiatif ke arah pelaksanaan *Extended Producer Responsibility* (EPR) di Malaysia dengan meneliti beberapa mekanisme di bawah EPR seperti *Deposit Refund System* (DRS), *Take Back System* (TBS) dan *Advance Disposal Tax* (ADT). Pelaksanaan *packaging tax* juga antara program dalam peringkat kajian dan penelitian Kementerian.
2. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) mempunyai peruntukan bagi pelaksanaan TBS dan DRS. Namun begitu, pelaksanaan EPR di bawah Akta 672 hanya terpakai di 7 negeri

yang menerima pakai Akta tersebut. KPKT berpandangan bahawa penglibatan industri di seluruh Malaysia adalah diperlukan bagi mencapai matlamat pelaksanaan EPR. Di samping itu, pelaksanaan TBS dan DRS memerlukan penubuhan Badan Pengurusan Dana (*Fund Management Body*) yang akan mengawal aliran tunai daripada pengilang sehingga ke pusat kutipan, penyedia perkhidmatan pengangkutan berlesen dan pusat kitar semula berlesen.

3. Dalam hal ini, beberapa siri libat urus juga telah dilaksanakan bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti syarikat konsesi, pemilik jenama barang dan konsumer (*owner of consumer goods brand*), pemain industri serta persatuan-persatuan berkaitan sisa plastik dan kitar semula bagi mengumpul maklumat serta membincangkan mekanisme terbaik pelaksanaan EPR di Malaysia. KPKT pada masa ini sedang mengadakan perbincangan awal bersama Kementerian Kewangan untuk melaksanakan sistem ADT di mana cukai pelupusan pada kadar tertentu dikenakan semasa pembelian sesuatu produk untuk membiayai kos pelupusan atau proses mengitar semula produk tersebut. Cadangan pelaksanaan ADT ini akan difokuskan kepada sisa pepejal yang boleh dikitar semula dan bernilai rendah.

4. Selain itu, projek perintis kitar semula iaitu *reversed vending machine* telah dilaksanakan oleh Alam Flora Sdn. Bhd. di PPR Beringin, Kuala Lumpur. Projek perintis ini juga akan diperluaskan di beberapa Kementerian di Putrajaya. Pengguna akan mendapat manfaat daripada penggunaan *reversed vending machine* ini dengan mengumpul mata ganjaran setiap kali mengitar semula botol minuman plastik atau tin aluminium. Dalam hal ini, KPKT amat menggalakkan syarikat konsesi untuk memperluas inisiatif *reversed vending machine* ini di kawasan perkhidmatan masing-masing di samping membeli barangan kitar semula daripada orang awam dan dibayar mengikut harga pasaran.